



ZAMRI (berdiri, empat kanan) bersama pemain pasukan Sektor Pentadbiran dan Perpustakaan pada perlawanan bola tampar persahabatan itu. Turut kelihatan Baharin (duduk, tiga kiri).

Staf UMSKAL digalak beriadah dan bersukan

UB 11.4.2018 B3

STAF Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) digalakkan untuk beriadah dan bersukan pada setiap petang.

Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Haji Mohamad Tuah berkata menerusi kegiatan yang positif itu akan melahirkan warga universiti yang sihat, cergas dan cerdas.

“Pengarah UMSKAL sendiri menggalakkan

kakitangan universiti untuk menjalani kegiatan yang positif termasuk bersukan dan riadah pada setiap hari,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengetuai pasukan Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia (SPSM) UMSKAL mengadakan perlawanan bola tampar persahabatan menentang pasukan Sektor Perpustakaan UMSKAL di gelanggang UMSKAL.

Pasukan Sektor

Perpustakaan diketuai Pustakawan Kanan Baharin Entoh dan Pustakawan Ruhidah Raplee.

Zamri berkata aktiviti itu dapat mengeratkan hubungan baik yang sedia terjalin antara pegawai dan kakitangan kedua-dua sektor.

“Menerusi program itu juga, kakitangan dapat menggunakan kemudahan yang disediakan pihak pengurusan UMS Labuan,” katanya.